

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[STRATEGY OF TAHFIZ AL-QURAN EXCELLENCE IN MALAYSIA:
A LITERATURE SURVEY]**

**STRATEGI KECEMERLANGAN INSTITUSI PENDIDIKAN TAHFIZ AL-QURAN
DI MALAYSIA: SATU TINJAUAN LITERATUR**

MOHD JAMALIL ISMAIL^{1*}
SABRI MOHAMAD¹
TENGGU INTAN ZARINA TENGGU PUJI¹
NOR HAFIZI YUSOF²

¹ Ketua Jabatan Usuluddin, Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sembilan (ITQAN), Pelajar Fakulti Pengajian Islam (Jabatan Al-Quran & Sunnah), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia

² Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Nerus, Terengganu.

*Corresponding author: malilitqan@gmail.com

Received Date: 7 Januari 2017 • Accepted Date: 28 April 2017

Abstract

Until the year of 2014, about 13 units of State Tahfiz Al-Quran Institution (MTQN) offer a Diploma in Tahfiz Darul Quran, Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM). Through this program, all students are able to obtain the Diploma in Tahfiz Darul Quran offered by each MTQN. This article discusses the background of the development of Tahfiz Al-Quran Institution in Malaysia. The objective of this article is to review the strategies for tahfiz institution excellence in Malaysia. This is a qualitative research that uses the approach of literature research. The study had found that the excellence among the students in MTNP increased significantly. This is because MTNP has implemented various strategies of excellence that has been drawn up by its Executive Director. Therefore, these strategies need to be studied and applied by other MTQN in order to strengthen MTQN excellence in Malaysia.

Keywords: *strategies, excellence, administration, education, tahfiz.*

Abstrak

Sehingga tahun 2014, sebanyak 13 buah Maahad Tahfiz al-Quran negeri (MTQN) menawarkan program diploma tahfiz Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Melalui program ini, semua pelajar di setiap MTQN boleh memperoleh diploma tahfiz Darul Quran. Artikel ini membahaskan isu kecemerlangan institusi pendidikan tahfiz di Malaysia. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji strategi kecemerlangan institusi pendidikan tahfiz di Malaysia. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan mengambil pendekatan kajian kepustakaan. Hasil sorotan literatur ini mendapati bahawa peranan pentadbir, proses pengajaran dan pembelajaran dan

strategi kecemerlangan di institusi pendidikan tahfiz yang cemerlang perlu diperhalusi. Hal ini penting untuk dijadikan garis panduan kepada institusi pendidikan tahfiz di Malaysia bagi memperkasakan kecemerlangan pelajar diploma tahfiz al-Quran.

Kata kunci: strategi, kecemerlangan, pentadbir, pendidikan, tahfiz.

Cite as: Mohd Jamalil Ismail, Sabri Mohamad, Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Nor Hafizi Yusof. 2017. Strategi Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz Al-Quran Di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 15(1): 51-60

PENGENALAN

Al-Quran merupakan sebuah kitab yang penuh dengan pelbagai mukjizat serta satu elemen yang terpenting di dalam kehidupan umat Islam. Al-Quran juga menerapkan nilai-nilai murni yang amat penting dalam diri masyarakat Islam. Matlamat terpenting pendidikan al-Quran ialah mendidik manusia supaya mengabdikan diri kepada Allah SWT. Dalam masyarakat yang dilanda arus globalisasi, pembelajaran al-Quran secara hafalan mampu menjadi pemangkin ke arah membentuk minda manusia yang bakal melahirkan generasi yang hafiz, alim, dai'e dan sekali gus memenuhi matlamat pendidikan al-Quran.

Menurut Ismail Masyhuri (1993), antara kelebihan-kelebihan lain yang diperoleh oleh penghafaz al-Quran adalah selalu dilindungi oleh Allah SWT, menjadi umat Nabi Muhammad s.a.w yang mulia, tidak merasa takut pada hari kiamat dan doanya akan dimakbulkan oleh Allah SWT. Selain itu, mereka yang menghafaz al-Quran juga merupakan mereka yang paling layak untuk menjadi imam serta dipermudahkan segala urusan mereka. Oleh itu, Allah SWT telah mempermudah kepada manusia untuk menghafaz al-Quran dan memelihara isi kandungannya supaya al-Quran terpelihara dari segala bentuk penyelewengan dan perubahan.

Selain itu, kedudukan mereka yang menghafaz al-Quran juga tinggi di sisi Allah SWT dan mereka akan diberikan kelebihan sebagai pemimpin kepada ahli-ahli syurga. Mereka juga akan ditempatkan bersama para malaikat dan diangkat darjat mereka di dalam syurga kelak. Menghafaz merupakan salah satu kaedah yang penting dalam mendalami ilmu al-Quran. Hafalan adalah merupakan proses yang digunakan untuk menyimpan pengetahuan (Ab. Fatah, 1994). Menghafaz memerlukan suatu kekuatan fikiran pada orang yang melakukannya. Sementara menghafaz sesuatu yang dipelajari dan mengasah ingatan melalui hafalan adalah cara yang paling baik untuk mengekalkan ingatan dan kecerdasan otak. Pada era globalisasi kini, pembelajaran al-Quran secara hafalan mampu melahirkan generasi al-Quran yang dikenali sebagai hafiz, alim, da'i dan profesional (Ab. Fatah, 1994).

Tradisi mempelajari dan mendalami al-Qur'an sentiasa hidup dengan adanya usaha kerajaan sendiri yang menggalakkan pembacaan al-Qur'an mengikut rasm Uthmani berasaskan riwayat Imam Hafs bin Asim. Selain itu, penubuhan institusi tahfiz yang dikelolakan oleh JAKIM adalah sebagai pengiktirafan kepada golongan penghafaz Quran. Senario yang berlaku pada hari ini menampakkan bahawa, umat Islam telah menyedari kepentingan dan kelebihan menghafaz al-Qur'an yang telah mendorong ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama yang menyediakan pengajian tahfiz al-Qur'an di samping mata pelajaran agama dan akademik setanding dengan kemajuan pendidikan negara kini. Sememangnya gelaran

seorang hāfiz atau hāfizah al-Qur'ān sangat tinggi darjat dan martabatnya di sisi Allah SWT dan dipandang mulia di sisi manusia.

Sejarah menghafaz al-Quran di Malaysia secara rasminya bermula dengan penubuhan Maahad Tahfiz pertama yang diasaskan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj pada tahun 1966. Idea penubuhan Maahad Tahfiz ini tercetus ekoran daripada Musabqah al-Quran yang diadakan semenjak tahun 1960 serta lawatan Rektor Universiti Al-Azhar Sheikh Mahmud Syaltut ke majlis perasmian Masjid Negara (Wan Muhammad Abdul Aziz 1995). Sebagai permulaan, Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat ditubuhkan sebagai salah satu unit di Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur. Dengan penubuhan unit tersebut maka bermulalah pengajian dalam bidang Tahfiz al-Quran di Dewan syarahan Masjid Negara pada 1 Mac 1966 dengan bilangan pelajarnya pada masa itu seramai 8 orang sebagai perantis yang dipilih dan dihantar oleh negeri-negeri di Malaysia (Darul Quran 2006).

Dari tahun 1966 hingga tahun 1978, pengajian bidang Tahfiz al-Quran diletakkan di bawah kelolaan Jawatankuasa Tadbir Masjid Negara dan Urus Setia Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. Pada tahun 1972 pengajian ini diberi nama 'Maahad tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat'. Pada awal tahun 1979 Maahad Tahfiz diletakkan pula di bawah kelolaan Pusat Penyelidikan Islam, Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri sehingga tahun 1980. Selepas itu Maahad Tahfiz dipindahkan ke Bangunan JKR 588/33, Jalan Chenderasari, Kuala Lumpur dan kemudiannya diletakkan di bawah kelolaan Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH) Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri sehingga tahun 1983. Sehingga pada tahun 1984 Maahad Tahfiz telah lahir sebagai sebuah Cawangan di Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri dengan organisasinya yang tersendiri (Darul Quran 2014)

Pada tahun 1992, Maahad tahfiz kemudiannya dipindahkan ke Taman Tun Dr. Ismail bagi penempatan pelajar lelaki dan pelajar perempuan pula ditempatkan di Jalan Ledang. Pada Tahun 1994 pelajar perempuan kemudiannya dipindahkan ke Taman Tun Dr. Ismail, manakala pelajar lelaki dipindahkan ke Batu 14 Sg. Semunggis Hulu Langat Selangor. Pada Tahun 1997, Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat telah dinaikkan taraf sebagai salah satu bahagian di Jabatan kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan diberi nama Darul Quran. Akhirnya pada November 1998, Darul Quran ditempatkan ke kampus tetap di Kompleks Darul Quran di Ampang Pecah Kuala Kubu Bharu, Selangor (Darul Quran 2014).

Pada tahun 1983, sijil yang dikeluarkan oleh JAKIM telah diiktiraf setaraf dengan Diploma ITM (sekarang dikenali dengan nama UiTM) oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Diploma tersebut diiktiraf oleh universiti dalam negara seperti UM, UKM, UIAM dan KUIM (sekarang dikenali dengan nama USIM) (JAKIM 2002). Sejak penubuhannya, dari tahun 1996 hingga 2013, MTNP telah menempa beberapa kejayaan yang amat membanggakan. MTNP juga telah melahirkan lebih kurang 171 orang hafiz yang berdaftar. Pengiktirafan tersebut membolehkan ramai pelajar lepasan Diploma Tahfiz Darul Quran, JAKIM telah menyambung pelajaran ke peringkat sarjana muda dalam negara. Terdapat juga para pelajar yang menyambung pelajaran ke peringkat sarjana selepas selesai pengajian di peringkat sarjana muda. Situasi ini merancakkan lagi perkembangan menghafaz al-Quran di Malaysia. Selain itu juga, ramai daripada lepasan Diploma Tahfiz Darul Quran, JAKIM yang telah berkhidmat pelbagai jawatan awam seperti Imam Besar Masjid Negeri, guru, pensyarah, pegawai agama angkatan tentera dan seumpamanya. Hal ini menunjukkan bahawa skop perkhidmatan awam

kepada kumpulan ini bukan hanya menjadi imam sahaja tetapi menghafaz al-Quran juga diperlukan dalam jawatan-jawatan professional yang lain (Syed Ahmad Tarmizi, Khairul Anwar & Mohd Zohdi 2003).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu menerusi reka bentuk analisis kandungan. Pengumpulan data dilakukan melalui sumber primer dan sekunder. Sumber primer yang digunakan adalah seperti al-Quran, al-hadis, kitab-kitab pengajian al-Quran seperti *Ar-Risalah al-Mufasssolah li ahwal al-Mua'allimin wal mutaallimin* (al-Qabisi 1955). Sumber sekunder pula adalah seperti jurnal- jurnal, kertas-kertas persidangan, dokumen, tesis dan buku-buku yang berkaitan dengan pendidikan. Untuk tujuan penganalisan data, penulis menggunakan kaedah analisis teks. Kaedah ini digunakan untuk menganalisis data berkaitan.

ANALISIS LITERATUR

Isu berkenaan pendidikan tahfiz telah lama dibincangkan oleh sarjana pendidikan ahli akademik di Malaysia yang meliputi aspek teknik pengajaran, sistem pendidikan dan sebagainya. Secara umumnya pelbagai masalah dalam pendidikan tahfiz yang telah dikenal pasti antaranya pengurusan pendidikan yang lemah, kekangan sumber kewangan dan kemerosotan pencapaian pendidikan pelajar tahfiz yang cemerlang.


Teori pengajaran dan pembelajaran tahfiz telah diperkenalkan oleh al-Qabisi (1955). Al-Qabisi atau nama sebenarnya adalah Abu al-Hasan Ali bin Muhammad bin Khalaf al-Macafiri dilahirkan di bandar Qairawan, Tunis (Gamal Abdul Nasir Zakaria, 2003). Risalah beliau meliputi aspek-aspek yang berkaitan dengan proses pendidikan termasuk kurikulum pendidikan, tujuan pendidikan, kaedah pengajaran, penilaian, sistem persekolahan, hukuman dan sebagainya. Aspek pengajaran dan pembelajaran yang dikemukakan oleh al-Qabisi sebahagian besarnya menumpukan pada pengajaran Al-Qur'ān, terutama dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Qur'ān kerana al-Qabisi telah menegaskan bahawa al-Qur'ān merupakan mata pelajaran asas di dalam pendidikan dan pelajaran lain merupakan ilmu tambahan (Ahwani, Ahmad Fuad 1995).

Proses pengajaran dan pembelajaran yang dikemukakan oleh al-Qabisi (1955) khusus kepada ilmu yang bersifat *lafzi* yang bergantung sepenuhnya kepada hafazan dan ingatan. Beliau menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Qur'ān memerlukan kepada ingatan yang kuat untuk menghafaznya dengan tidak merubah struktur ayat al-Qur'ān sama ada perubahan ayat atau pertukaran huruf. Oleh itu, al-Qabisi (1955) menyatakan objektif di dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Qur'ān ini ialah, al-ḥifẓ iaitu pelajar dapat menghafaz al-Qur'ān dengan baik tanpa melihat mushaf. *Al-wa'iy* (penghayatan) iaitu pelajar dapat menghayati dan memahami ayat yang dibaca serta bersemadi di dalam jiwa dan *istirja'* iaitu pelajar dapat membaca semula ayat yang dihafaz dengan penuh kelancaran mengikut susunan, huruf, baris dan sebagainya tanpa melihat mushaf. Menurut beliau, mereka yang telah memiliki ketiga-tiga kemahiran ini merupakan mereka yang telah menghafaz al-Qur'ān dengan baik.

Maahad Tahfiz al-Quran di Malaysia pula telah ditubuhkan pada tahun 1966. Pada tahun 1983 sijil yang dikeluarkan oleh JAKIM telah diiktiraf setaraf dengan Diploma ITM (sekarang

dikenali dengan nama UITM) oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Diploma tersebut diiktiraf oleh universiti dalam negara seperti UM, UKM, UIAM dan KUIM (sekarang dikenali dengan nama USIM) (JAKIM 2002). Ini menunjukkan pendidikan tahfiz di Malaysia telah lama diamalkan. Sehingga tahun 2015, terdapat 12 Maahad Tahfiz al-Quran di negeri-negeri di Malaysia di bawah naungan Darul Quran JAKIM. Pencapaian peperiksaan setiap semester di MTQN ini tidak menunjukkan kecemerlangan di seluruh MTQN.

Melalui analisa pencapaian MTQN 2010 dan 2011 menunjukkan bahawa MTNP berada di kedudukan teratas berdasarkan peratusan pelajar yang paling ramai mendapat pangkat Imtiaz. Ini telah mengatasi KPI Diploma iaitu berada di kedudukan nombor tiga teratas antara MTQN dan 50% berpangkat Imtiaz (Zulkifli Ali 2013).



Carta 1.1 Menunjukkan Pencapaian Pangkat Imtiaz diploma Semester 2, 4 dan 6 Antara MTQN Negeri dan Darul Quran 2010.

Carta 1.1 menunjukkan MTQN Pahang mendapat peratusan imtiaz paling tertinggi dengan 41.9% dan diikuti oleh ITQAN Negeri Sembilan yang merupakan peratusan imtiaz kedua terbaik dengan peratusan 32.1% serta MARSAAH Johor di tempat yang ketiga dengan peratusan 21.9%. Manakala Darul Quran, JAKIM berada di kedudukan yang keempat dengan peratusan 20.8%. Seterusnya diikuti oleh IQ Terengganu dengan peratusan 13.8%, MTQN MAIK Kelantan dengan peratusan 6.2%, MTQN Sabah dengan peratusan 5.3% dan MTQN Perak dengan peratusan 3.6%. Ini adalah 8 Maahad Tahfiz Quran Negeri (MTQN) dan Darul

Quran yang memperoleh peratusan imtiyaz yang tertinggi, manakala MTQN selebihnya tidak memperoleh peratusan imtiyaz dari kalangan pelajar-pelajar semester 2, 4 dan 6 mereka. Ini amat menyedihkan kerana peratusan imtiyaz yang diperoleh pada sem 2, 4 dan 6 pada tahun 2010 ini terlalu sedikit. Analisa ini menunjukkan MTNP sebuah MTQN yang paling cemerlang berbanding MTQN di Malaysia. Ini adalah kerana MTNP mempunyai strategi kecemerlangan yang dilaksanakan di maahad mereka.

Peningkatan Kecemerlangan Pelajar Diploma Tahfiz di Malaysia

Menurut Alimuddin Md. Dom (2006), pentadbir berperanan dalam meningkatkan kecemerlangan sesebuah sekolah. Kamarudin Haji Kachar (1989) pula menjelaskan peranan pengetua sebagai pentadbir mempunyai peranan yang sangat penting kerana pengetua merupakan watak utama dalam sistem sekolah. Sebagai seorang pentadbir, pengetua perlu membawa pegawai-pegawai di bawahnya dan keperluan organisasi ke dalam satu bentuk kesepaduan bagi mencapai operasi yang berkesan (Zainal Abdul Majid 1987). Oleh itu, pengetua perlu mewujudkan satu bentuk perhubungan manusia yang membolehkannya bersama-sama guru sekolahnya mencapai objektif sekolah. Menurut Kamarudin Haji Kachar (1989) pengaruh pengetua lebih utama daripada autoritinya untuk mendapatkan kerjasama daripada para guru serta menurut cadangannya.

Proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz yang mempunyai kaedah dan teknik yang sempurna serta penilaian yang teratur akan menghasilkan hasil pembelajaran selaras dengan matlamat dan objektif yang telah digariskan (Aznil Hashim, 2012). Proses pembelajaran merupakan aspek asas yang sangat penting kerana ia dilihat sebagai faktor utama untuk mencapai pendidikan yang berkualiti bagi melahirkan pelajar yang cemerlang (Asmawati & Rahman, 2007; Habib 2007). Oleh yang demikian, Zainora berpendapat bahawa penambahbaikan terhadap pelaksanaan proses pembelajaran perlu dilakukan untuk meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran di maahad tahfiz (Zainora Daud, 2012).

Dalam amalan proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz, Mohamad Marzuqi Abd. Rahim (2008) berpendapat bahawa proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran yang merangkumi talaqqi, iadah, pengujian mingguan, penulisan ayat, pemahaman ayat dan kemahiran penggunaan bahan bantuan mengajar merupakan kaedah yang kurang dipraktikkan sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran. Selain itu, Noor Atiqah Abd. Rahman (2010) bahawa peraturan, disiplin, tenaga pengajar dan adab menghafaz mempunyai kaitan dalam kecemerlangan hafalan al-Quran. Muhaidi Mustaffa (2010) pula menyatakan bahawa kaedah hafazan yang betul merupakan faktor kecemerlangan pelajar tahfiz. Namun begitu, pencapaian pelajar terhadap tahfiz al-Quran telah dinyatakan oleh Misnan Jemali & Ahmad Sadadi Hafidz (2003) bahawa 60% daripada pelajarnya tidak dapat menamatkan hafalan al-Quran mengikut jadual yang telah ditetapkan iaitu 30 juzuk dalam masa 6 semester.

Sidek Ariffin (2012) pula menyatakan bahawa kaedah al-Huffaz yang digunakan oleh Mohd Shafie Md. Amin adalah lebih praktikal untuk diamalkan dalam proses penghafalan al-Quran jika dibandingkan dengan kaedah Darul Quran. Ini menunjukkan bahawa kaedah hafalan yang digunakan kini kurang membantu para pelajar dalam meningkatkan mutu hafalan yang terbaik. Walaupun kaedah al-Huffaz lebih praktikal, namun ia tidak praktikal jika dilaksanakan di institut tahfiz lain kerana sekolah Dr. Mohd Shafie hanya menjalankan pembelajaran hafalan

al-Quran semata-mata berbanding dengan institut tahfiz lain yang menjalankan pembelajaran akademik dalam masa yang sama.

Oleh yang demikian, melalui pencapaian cemerlang yang diperoleh MTNP sejak 2010 hingga tahun 2012 (Zulkifle Ali 2013) menimbulkan persoalan sama ada apakah proses pembelajaran MTNP yang menyumbang kepada kecemerlangan kepada diploma tahfiz.

Bagi mengekalkan dan meningkatkan kecemerlangan sesebuah sekolah sistem pengukuran prestasi harus diamalkan oleh warga sekolah sebagai satu strategi pengurusan (Story, 2002). Alimuddin Md Dom (2006) menyatakan bahawa sesebuah sekolah cemerlang mestilah mengamalkan ciri-ciri outstanding, pendekatan pengurusan dan nilai serta kepercayaan.

Namun begitu, Azmil Hashim (2010) menyatakan bahawa pelaksanaan strategi pembelajaran tahfiz masih mempunyai kekurangan dan kelemahan serta ruang-ruang yang perlu diperbaiki dan diberi perhatian. Ini dibuktikan daripada keputusan pelajar semester 6, 2006 dalam subjek Syafawi al-Quran pelajar yang mendapat A dalam subjek ini didahului dari ITQAN seramai 10 orang pelajar (76.9%) mendapat pangkat A. Manakala MTNP seramai 3 orang (20%) mendapat pangkat A. Manakala pada tahun 2008 keputusan peperiksaan sama ada syafawi dan Tahriri, peratusan pelajar yang mendapat A dengan peratusan yang amat rendah iaitu ITQAN seramai 7 orang (50%) bagi Syafawi dan 4 orang (28.5%) bagi Tahriri, MTNP hanya 1 orang (10%) bagi Syafawi dan 1 orang (10%) bagi Tahriri.

Sementara itu, Zulkifle Ali (2013) pula telah membentangkan strategi kecemerlangan MTNP yang mempunyai kelainan tersendiri. Zulkifle (2013) pula telah membentangkan 14 strategi kecemerlangan MTNP yang mempunyai keunikan tersendiri. Strategi tersebut ialah Penaung Diraja, Ahli Lembaga Pengarah, visi dan misi, instructional leadership, sistem pengambilan, nisbah guru dan pelajar, teamwork, penamatan silibus atau sukatan pelajaran, program peningkatan profesionalisme, benchmarking, seminar teknik menjawab soalan diploma, mentor mentee, sistem hafazan serta doa dan tawakal. Oleh itu, kajian strategi kecemerlangan MTNP perlu dilakukan secara mendalam bagi memberi panduan kepada MTQN di Malaysia terhadap strategi kecemerlangan pelajar diploma tahfiz.

ELEMEN UTAMA DALAM PEMERKASAAN INSTITUSI PENDIDIKAN TAHFIZ DI MALAYSIA

Hasil sorotan literatur yang dijalankan, terdapat tiga elemen utama telah dikenal pasti menjadi aspek utama perbincangan para sarjana dan ilmuwan dalam memperkasakan institusi pendidikan tahfiz di Malaysia iaitu pengurusan pentadbiran, proses pengajaran dan pembelajaran dan strategi kecemerlangan pendidikan.

Pengurusan pentadbiran menjadi aspek tumpuan perbincangan para sarjana kerana ia merupakan tulang belakang kepada kejayaan sesebuah institusi pendidikan tahfiz. Tanpa kerja keras pentadbir yang cekap, sesebuah institusi pendidikan tahfiz pasti sukar untuk mencapai kecemerlangan. Hal ini kerana pentadbir berperanan penting dalam meningkatkan kecemerlangan sesebuah institusi pendidikan tahfiz. Pentadbir juga yang akan membawa pegawai-pegawai di bawahnya ke arah kesepaduan bagi mencapai kecemerlangan.

Proses pengajaran dan pembelajaran juga merupakan aspek yang penting dalam perbincangan para sarjana. Hal ini kerana ia dilihat sebagai faktor utama untuk mencapai

pendidikan yang berkualiti bagi melahirkan pelajar yang cemerlang dan sebagai faktor utama untuk mencapai pendidikan yang berkualiti dan dapat melahirkan pelajar yang berguna kepada masyarakat. Amalan proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran yang merangkumi talaqqi, iadah, pengujian mingguan, penulisan ayat, pemahaman ayat dan kemahiran penggunaan bahan bantuan mengajar merupakan kaedah yang kurang dipraktikkan sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran. Hal ini menyebabkan pelajar tidak dapat menamatkan hafalan al-Quran mengikut jadual yang telah ditetapkan iaitu 30 juzuk dalam masa 6 semester.

Strategi kecemerlangan pendidikan tahfiz turut diperbincangkan oleh para sarjana. Pelaksanaan strategi pembelajaran tahfiz masih mempunyai kekurangan dan kelemahan serta ruang-ruang yang perlu diperbaiki dan diberi perhatian. Peraturan, disiplin, tenaga pengajar dan adab menghafaz mempunyai kaitan dalam kecemerlangan hafalan al-Quran. Selain itu, sistem pengukuran prestasi harus dijamin oleh institusi pendidikan sebagai satu strategi pengurusan bagi mengekalkan dan meningkatkan kecemerlangan.

Melalui hasil sorotan literatur ini, peranan pentadbir, proses pengajaran dan pembelajaran di institusi pendidikan tahfiz yang cemerlang kurang diperhalusi oleh para sarjana. Di samping itu, strategi kecemerlangan institusi pendidikan tahfiz pula kurang dibincangkan oleh para sarjana. Di samping itu, strategi kecemerlangan institusi pendidikan tahfiz hanya dinyatakan oleh Zulkifli Ali (2013). Strategi yang dinyatakan adalah seperti sistem hafazan yang khusus, seminar teknik menjawab soalan dan benchmarking. Ketiga-tiga aspek ini amat penting untuk dijadikan panduan kepada institusi pendidikan tahfiz di Malaysia untuk mencapai kecemerlangan.

KESIMPULAN

Program Diploma Tahfiz Darul Quran JAKIM telah diiktiraf lebih 30 tahun di Malaysia. Oleh hal yang demikian, 14 strategi yang telah dibentangkan oleh Pengarah Eksekutif MTNP berkaitan strategi kecemerlangan pelajar perlu diteliti dan diaplikasikan oleh pihak Darul Quran dan MTQN lain bagi memperkasakan kecemerlangan pelajar tahfiz di institusi pendidikan tahfiz di Malaysia. Strategi tersebut ialah Penaung Diraja, Ahli Lembaga Pengarah, visi dan misi, instructional leadership, sistem pengambilan, nisbah guru dan pelajar, teamwork, penamatan silibus atau sukatan pelajaran, program peningkatan profesionalisme, benchmarking, seminar teknik menjawab soalan diploma, mentor mentee, sistem hafazan serta doa dan tawakal. Secara keseluruhannya, kecemerlangan pelajar di institusi pendidikan tahfiz di Malaysia boleh diperhebatkan melalui sistem pentadbiran yang berkesan, proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif dan strategi kecemerlangan perlu diaplikasikan. Untuk itu, garis panduan bagi strategi kecemerlangan pelajar di institusi pendidikan tahfiz perlu diperhalusi untuk dijadikan rujukan setiap institusi seperti sistem hafazan yang khusus, seminar teknik menjawab soalan, dan program benchmarking perlu dilaksanakan. Kemerosotan pencapaian pelajar perlu dijadikan sempadan bagi institusi pendidikan tahfiz di Malaysia agar pelajar lepasan pendidikan tahfiz al-Quran dipandang tinggi oleh masyarakat. Penghasilan huffaz yang cemerlang serta sahsiah mulia, mampu mengangkat nama dan martabat sesebuah institusi pendidikan tahfiz.

RUJUKAN

- Ab. Fatah Hasan. (1994). *Penggunaan Minda yang Optimum Dalam Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia.
- Aishah binti Juri. (2009). *Sistem Pengajaran Dan Pembelajaran Ilmu Qiraat Di Darul Quran Dan Kuis*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Ahwani, Ahmad Fuad. (1995). *Filsafat Islam*. Indonesia: Pustaka Firdaus.
- Asmawati Suhit & Abdul Rahman Md. Arof. (2007). Kepentingan Persepsi Guru Dalam Kurikulum Adab Dan Akhlak Islam (AAI). *Jurnal Pendidikan*, 211-233.
- Azmil Hashim. (2010). *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Al-Quran Di Darul Quran, JAKIM Dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri*. Bangi: UKM.
- Cohen, L. M. (2000). *Research Methods in Education*. London: Routledge Falmer.
- Darul Quran, JAKIM. 2014. <http://www.darulquran.gov.my>. [3 Jun 2014].
- Gamal Abdul Nasir Zakaria. (2003). *Ibnu Sahnun Al-Qabisi Ibnu Khaldun Prinsip- Prinsip Pendidikan Islam*. Bentong Pahang. BTS Publication dan Distributers Sdn Bhd.
- Habib Mat Som. (2007). Profil Tumpuan Guru Sekolah Menengah Di Negeri Selangor Terhadap Pelaksanaan Perubahan Kurikulum. *Jurnal Pendidikan* 27 (1), 165-178.
- Haji Alimuddin. (2006). *Outsanding Leaders: Membina Sekolah Cemerlang*. Putrajaya: Sektor Penaziran Kepimpinan Institusi Pendidikan (PKIP).
- JAKIM. (2002). *Prospektus Darul Quran 2002/2003*. Selangor: JAKIM.
- Kamarudin Haji Kachar. (1989). *School Administration in Malaysia*. Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd.
- Kamsaton Simon. (2005). *Kepentingan Pengajian Tahfiz Al-Quran Terhadap Masyarakat Pada Masa Kini*. Skudai: Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial Universiti Teknologi Malaysia.
- Maahad Tahfiz Negeri Pahang. (2014). *Laporan Keputusan Peperiksaan MTNP 2014*. Kuantan: Maahad Tahfiz Negeri Pahang.
- Misnan Jemali & Ahmad Sadadi Hafidz. (2003). *Hubungan Antara Kaedah Menghafaz Al-Quran Dengan Pencapaian Kursus Tahfiz Wal Qiraat Pelajar Semester Empat Dan Lima Di Maahad Tahfiz Wal Qiraat Di Perak*. Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Mohamad Marzuqi Abd. Rahim. (2008). *Pengajaran Mata Pelajaran Hafazan Al-Quran: Suatu Kajian Maahad Tahfiz Al-Quran Zon Tengah*. Tanjung Malim: Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia: UPSI.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhaidi Haji Mustaffa. (2010). *Hafazan Al-Quran Dan Hubungannya Dengan Kecemerlangan Pelajar: Kajian Di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Pulau Chondong, Kelantan Dari Tahun 1997 Hingga 2007*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Noor Atiqah Abd. Rahman. (2010). *Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Quran: Satu Kajian di Seremban Dan Banting*. Bangi: UKM.
- Al-Qabisi, A. H. (1955). *Ar-Risalah Al-Mufasssolah Li Ahwal Al-Mua'allimin Wal Mutaallimin*. Kaherah: Dar Ehya' al Kutub al-Arabiyyah.
- R.K., Y. (1994). *Case Study Research: Design and Methods*. Thousands Oaks: Sage Publications.

- Sidek Ariffin. (2012). *Kaedah Menghafal Al-Quran di Institusi Tahfiz Al-Quran Di Malaysia: Kajian Perbandingan Di Antara Kaedah Darul Quran, JAKIM Dengan Kaedah Al-Huffaz, Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Story, A. (2002). Performance Management in Schools: Could The Balanced Scorecard Help? *School Leadership and Management*, Taylor & Francis online. United Kingdom 22, 321-338.
- Syed Ahmad Tarmizi, Khairul Anwar & Mohd Zohdi. et.al (2003). Sejarah Dan Perkembangannya. *Isu Semasa Pengajian: Quran Dan Sunnah Kolej Universiti Islam Melaka*, 45-57.
- Zainal Haji Abdul Majid. (1987). *Peranan Pegawai Pelajaran Daerah Dalam Pentadbiran Pendidikan Di Negeri Sembilan: Satu Kajian Persepsi. Desertasi Sarjana Pendidikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainora Daud, Shahrudin Pangilun, Azizi bin Umar, Ab. Halim Tamuri, Hayati Hussin, Rohana Zakaria, Mohd Aliff Mohd Nawi. (2012). Keberkesanan Amalan Pengajaran Tri-Kurikulum di Maahad Tahfiz Kerajaan Negeri: Satu Kajian Awalan. *International Conference On Research in Islamic And Arabic Language Education 2012 (Icrale 2012)*, (pp. 463-472).
- Zulkifle Bin Ali. (2013). Aliran Tahfiz Sebagai Teras Pendidikan Islam (Pengalaman MTNP). *Konvensyen Huffaz Peringkat Negeri Sembilan 2013*. Seremban.